



**GARIS PANDUAN PENGURUSAN IBADAH
MENGIKUT AMALAN NORMA BAHARU PASCA PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN DI INSTITUSI WARGA EMAS,
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

ISI KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
i	Tujuan	3
ii	Pengenalan	3-4
iii	Skop/ Pemakaian	4
iv	Objektif	5
v	Pelaksanaan Solat Berjemaah, Solat Jumaat dan Solat Sunat Hari Raya	5-8
vi	Pelaksanaan Aktiviti Kerohanian dan Pengimarah Surau	8-9
vii	Pelaksanaan Ibadah Puasa Ramadhan, Zakat Fitrah, Fidyah dan Nazar	9-11
viii	Pelaksanaan Ibadah Korban di Institusi	11-15
viii	Tarikh Kuatkuasa	15
x	Penutup	15
xi	Rujukan	15-16

TUJUAN

Tujuan garis panduan ini adalah untuk memberi panduan dan rujukan kepada pihak pentadbir Institusi Warga Emas di Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam pengurusan ibadah mengikut amalan Norma Baharu Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

PENGENALAN

- 2.1 Warga emas ditakrifkan mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Takrifan ini berpandukan kepada takrifan yang dibuat dalam *United Nations Assembly On Ageing* di Vienna (PBB, 1982) dan dalam kalangan negara-negara ASEAN.
- 2.2 Warga emas merupakan aset Negara dan menjadi sumber rujukan utama sejarah dan budaya. Kebajikan mereka perlu dijaga dengan rapi. Keupayaan fizikal dan mental mereka menjadi semakin berkurangan seiring dengan peningkatan usia. Ada di antara mereka yang mengalami tekanan jiwa akibat peristiwa-peristiwa lalu seperti ditinggalkan anak, kematian orang yang disayangi dan sebagainya. Jiwa mereka menjadi sensitive dan memerlukan perhatian serta belaian yang secukupnya. Antara kebajikan penting yang perlu diberi perhatian adalah dengan menyediakan peluang dan kemudahan pembelajaran ilmu asas agama serta menganjurkan aktiviti-aktiviti kerohanian kepada mereka untuk mengisi masa dengan ilmu-ilmu ukhrawi yang boleh menjadi bekalan dan memberi manfaat kepada diri serta dapat memotivasikan diri mereka untuk lebih semangat menjalani kehidupan normal sepertimana kehidupan orang lain.
- 2.3 Dalam menghadapi Pandemik COVID-19, golongan warga emas sentiasa diberi tumpuan dan perhatian oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia kerana golongan ini merupakan kumpulan berisiko tinggi untuk mendapat komplikasi dan kematian akibat jangkitan COVID-19 disebabkan faktor umur dan juga penyakit kronik. Hasil daripada penelitian kementerian dengan memadamkan populasi bagi setiap kumpulan umur dan kadar insiden COVID-19 bagi 100,000

individu di Malaysia, mendapati dua kelompok umur warga emas dikesan berdepan risiko kematian tertinggi sekiranya dijangkiti wabak COVID-19 ialah warga emas berusia antara 55 hingga 59 tahun dan 60 hingga 64 tahun (Rujukan Sidang Akhbar oleh Ketua Pengarah kesihatan pada 16 April 2020).

- 2.4 Pada 7 Jun 2020, YAB Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun sehingga 31 Ogos, menggantikan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berakhir pada 9 Jun 2020.
- 2.5 Sehubungan dengan itu, Menteri Agama di Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama ahli Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Kali ke-6 telah bersidang pada 9 Jun 2020 bagi membincangkan hal ehwal pelaksanaan ibadah dalam tempoh PKPP seterusnya menghasilkan satu Resolusi berdasarkan kepada pandangan dan nasihat daripada Kementerian Kesihatan (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- 2.6 Justeru, dengan merujuk resolusi tersebut, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan Garis Panduan Pengurusan Ibadah Pasca Perintah Kawalan Pergerakan sebagai panduan dan rujukan dalam pengurusan ibadah warga emas Muslim di Institusi Warga Emas, Jabatan kebajikan Masyarakat.

3.0 SKOP/PEMAKAIAN

Garis panduan ini boleh digunapakai oleh semua kakitangan Institusi Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat termasuk Pegawai Kebajikan Masyarakat Negeri (PKMN), Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dan Pihak Pengurusan Institusi Warga Emas. Segala aspek yang telah digariskan selari dengan lima prinsip utama yang ditekankan dalam Maqasid Syariah.

4.0 OBJEKTIF

- 4.1 Memberi panduan dan rujukan kepada pentadbir institusi dengan memastikan pengurusan ibadah di institusi selari dengan arahan kesihatan dan keselamatan Kerajaan; dan
- 4.2 Mewujudkan penyelarasan pengurusan ibadah di semua Institusi Warga Emas Jabatan Kebajikan Masyarakat.

5.0 PELAKSANAAN SOLAT BERJEMAAH, SOLAT JUMAAT DAN SOLAT SUNAT HARI RAYA

5.1 Tempat Pelaksanaan

Pelaksanaan ibadah di surau institusi dibenarkan **kecuali** bagi **kawasan yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)**. Namun begitu ianya **bergantung kepada keputusan dan arahan pihak Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam di negeri masing-masing atas nasihat Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**.

5.2 Waktu Operasi

Waktu operasi surau akan dibuka **1 jam sebelum waktu solat** dan akan ditutup selepas selesai solat.

5.3 Bilangan Jemaah Yang Dibenarkan

Pelaksanaan Solat Jemaah yang dibenarkan adalah **tidak melebihi 30 orang** dalam satu-satu masa dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) penjarakan 1 meter antara ahli Jemaah. Walau bagaimapun, keluasan lantai

sesebuah surau di institusi perlu juga diberi perhatian dalam menentukan jumlah Jemaah tersebut.

5.4 Kawalan Keselamatan

Pentadbir Institusi hendaklah memastikan pengamalan Norma Baharu di institusi dengan melaksanakan segala tindakan berikut:

(a) Kawalan Penularan dan Jangkitan

- i) Mengadakan kaunter di pintu masuk yang dihadkan bilangannya bagi memeriksa suhu badan, sanitasi tangan, pemakaian penutup hidung/mulut serta rekod kehadiran jemaah;
- ii) Kerap melakukan sanitasi ruang solat surau dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan ruang wudhu’;
- iii) Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa;
- iv) Membuat penandaan jarak antara jemaah sekurang-kurangnya 1 meter;
- v) Kakitangan dibenarkan membawa penghuni yang sihat untuk menunaikan Solat Jumaat di masjid atau Surau Diri Jumaat (SDJ) yang berdekatan dengan kawasan institusi dengan bilangan maksimum penghuni **tidak melebihi 20 orang**. Bagi penghuni yang tidak sihat dan tidak mampu menunaikan Solat Jumaat hendaklah menunaikan Solat Zohor di bilik asrama masing-masing.

(b) Kawalan dan Pengesanan

- i) Jawatankuasa surau menyediakan petugas membantu kawalan jemaah;
- ii) Kehadiran direkodkan di dalam buku kehadiran; dan
- iii) Pintu masuk surau dibuka sejam sebelum azan.

(c) Etika Jemaah

- i) Melaksanakan penjarakan sosial di dalam dan luar surau sejauh 1 meter antara satu sama lain dan jemaah wajib memakai *fask mask*;
- ii) Cara masuk dan keluar surau mesti mengikut giliran dengan beratur serta menjaga penjarakan yang terkawal;
- iii) Jemaah yang bergejala atau menghidap penyakit kronik tidak dibenarkan hadir;
- iv) Semua ahli jemaah yang hadir hendaklah membawa sejadah sendiri;
- v) Jemaah dipastikan terus bersurai dalam keadaan tenang;
- vi) Elakkan aktiviti bersalaman sesama yang hadir;
- vii) Tiada perkumpulan dibenarkan selepas selesai aktiviti sama ada di dalam atau di luar surau; dan

- viii) Jemaah hendaklah mengambil wudhu' di asrama, namun dibenarkan memperbaharunya di surau dengan mematuhi penjarakan sosial.

6.0 PELAKSANAAN AKTIVITI KEROHANIAN DAN PENGIMARAHAN SURAU

6.1 Sebarang bentuk aktiviti kerohanian di surau boleh dilaksanakan **kecuali** aktiviti yang disenaraikan dalam aktiviti yang dilarang iaitu yang melibatkan perhimpunan beramai-ramai seperti kenduri, gotong royong dan seumpamanya. Namun begitu, ianya **tertakluk kepada peraturan kesihatan, peraturan Pihak Berkuasa Tempatan dan arahan Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri.**

6.2 Majlis Ilmu dan Kelas Pembelajaran Asas Fardhu Ain :

- i- Kuliah Maghrib dan Kuliah Subuh dibenarkan dengan syarat Jemaah mematuhi penjarakan sosial;
- ii- Kuliah Maghrib ditamatkan sebaik sahaja masuk waktu 'Isyak;
- iii- Kuliah Subuh dilaksanakan selama 20-30 minit sahaja;
- iv- Digalakkan institusi melaksanakan aktiviti pembelajaran Fardhu Ain secara individu (Dorm to Dorm) dan mengurangkan aktiviti secara berkumpulan. Walau bagaimanapun jika perlu, **laksanakan aktiviti dalam kumpulan kecil sahaja (maksima 15 orang)** dengan mengamalkan penjarakan sosial yang selamat sekurang-kurangnya 1 meter, lokasi yang selamat dan tempoh masa aktiviti adalah **tidak melebihi 45 minit.**

- v- Dalam melaksanakan aktiviti (a), penceramah undangan dinasihatkan membuat ujian saringan COVID-19 sebelum menerima undangan mana-mana surau institusi.
- vi- Aktiviti kerohanian hanya melibatkan penghuni yang sihat. Bagi penghuni yang mempunyai gejala seperti demam, sesak nafas, sakit tekak dan selsema adalah tidak dibenarkan menyertai aktiviti tersebut.
- vii- Melaksanakan **penjarakan sosial** (social distancing) dan **wajib memakai *face mask*** dan **sanitasi tangan** sepanjang pelaksanaan aktiviti dijalankan.

7.0 PELAKSANAAN IBADAH PUASA RAMADHAN, ZAKAT FITRAH, FIDYAH DAN NAZAR

Panduan ini hendaklah dibaca bersama Panduan Amalan Di Bulan Ramadhan Tahun 2000, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), yang boleh dimuat turun melalui pautan <http://www.islam.gov.my>.

7.1 Ibadah Puasa Ramadhan

7.1.1 Menurut pandangan sarjana Muslim dalam bidang psikologi, mereka membahagikan masalah mental kepada dua jenis:

- a) Sakit mental yang berpanjangan (*mutbiq*);
- b) Sakit mental sementara ('aridh/ghair mutbiq) yang boleh disembuhkan dengan ubat-ubatan dan rawatan-rawatan. (Lihat *Mausu'ah al-Fiqhiyah al-Kuwaitiyyah*, 16/101).

7.1.2 Sebulan sebelum tibanya 1 Ramadhan, pegawai hendaklah mendapatkan laporan pengesahan perubatan daripada doktor panel yang dilantik bagi mengenal pasti tahap kesihatan penghuni untuk melaksanakan ibadah puasa Ramadhan:

- a) Penghuni yang mengalami **sakit psikiatri secara berpanjangan (mutbiq)** dan telah mendapat pengesahan doktor perubatan, **tidak diwajibkan berpuasa.**
- b) **Penghuni yang mempunyai sakit psikiatri sementara diwajibkan berpuasa dalam tempoh mereka sedar akan perkataan dan perbuatannya (waras).**
- c) Penghuni yang **uzur, lemah dan disahkan sakit kronik yang tiada harapan sembuh** dan telah mendapat pengesahan doktor, mereka diharuskan berbuka puasa atau tidak berpuasa. Bagi hari-hari yang ditinggalkan itu **wajib dibayar fidyah** dengan makanan asasi satu hari satu cupak (mengikut bilangan hari) diberikan kepada fakir atau miskin. **Penghuni ini tidak wajib mengqadha'kan puasa tetapi memadai dengan fidyah sahaja.**
- d) Penghuni yang **sihat dan berkemampuan untuk berpuasa diwajibkan berpuasa dengan** merekod bilangan hari berpuasa dalam jadual puasa ramadhan yang disediakan.
- e) Menyediakan **laporan senarai semak ibadah puasa** dan ibadah lain sepanjang Ramadhan seperti Solat Sunat Tarawih, Tadarus Al-Quran setiap penghuni bermula 1

hingga 30 Ramadhan dan disimpan dalam rekod peribadi penghuni.

7.2 Zakat Fitrah, Zakat Harta, Fidyah Dan Nazar

Prosedur Pembayaran Zakat Fitrah, Zakat Harta, Fidyah dan Nazar adalah merujuk kepada Prosedur Pengendalian Harta dan Dokumen Diri Penghuni PK/WEI/2 bertarikh 1/2/2019.

8.0 PELAKSANAAN IBADAH KORBAN DI INSTITUSI

Panduan ini hendaklah dibaca bersama Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Korban Bil. 2 Tahun 2013 terbitan JAKIM, yang boleh dimuat turun melalui pautan <http://www.islam.gov.my> dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar merangkumi:

- i- Kaedah-kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009; dan
- ii- Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

8.1 Tempat Pelaksanaan

- a) Pelaksanaan Ibadah Korban adalah dibenarkan **kecuali di kawasan yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)**. Namun begitu, ianya bergantung kepada kelulusan Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri atas nasihat KKM dan MKN untuk tujuan pelaksanaan.
- b) Rumah Sembelihan (Abattoir) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sebanyak 28 buah di seluruh Negara.

- c) Rumah Penyembelihan Ruminan Swasta yang dilesenkan oleh DVS sebanyak 31 buah di seluruh Negara.
- d) Masjid atau surau dengan kelulusan Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan DVS.

8.2 Waktu Operasi

Hari Raya Aidiladha dan tiga (3) Hari Tasyrik.

8.3 Bilangan Kehadiran

Hendaklah **tidak melebihi 20 orang** mengikut kesesuaian kawasan dan tempat dengan mengelakkan elemen 3S (Sesak, Sempit dan Sembang Dekat).

8.4 Pelaksanaan Penyembelihan Korban

- a) Perlu mendapat Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) dari mana-mana Pejabat Veterinar Negeri atau Daerah berdekatan;
- b) Perlu mendapat permit penyembelihan ternakan dari rumah sembelih Jabatan atau Pejabat Veterinar Negeri berdekatan;
- c) Peserta yang mengambil bahagian dalam melakukan ibadah korban hendaklah mewakilkan kepada penyembelih atau wakil yang dilantik;

- d) Proses penyembelihan, lapah dan keratin asas dilaksanakan di rumah penyembelihan;
- e) Penyembelihan yang dilakukan di luar rumah sembelih haruslah :
 - i. Lokasi yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan/Pihak Berkuasa Negeri;
 - ii. Tapak penyembelihan yang sesuai, bersih dan selamat serta penyembelihan tidak boleh dilakukan berhampiran saluran awam.
- f) Proses lapah dan proses keratin pembahagian daging korban hendaklah dibuat di tempat yang lapang dan tidak menyebabkan berlakunya kesesakan;
- g) Aktiviti menyembelih, melapah dan memotong yang melibatkan perhimpunan hendaklah mengambil kira aspek menghindari 3S dan mengamalkan penjarakan sosial;
- h) Pemeriksa Daging DVS akan memastikan proses penyembelihan yang dijalankan mematuhi Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009 dan Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban;
- i) Pihak penganjur hendaklah memastikan bilangan korban bersesuaian dengan keupayaan bilangan petugas yang dilantik;
- j) Sebarang bentuk majlis jamuan dan kenduri adalah dilarang untuk dilaksanakan; dan

- k) Ibadah korban yang ingin dilaksanakan di Rumah Sembelihan DVS atau Rumah Sembelihan Ruminan Swasta yang dilesenkan oleh DVS boleh menghubungi rumah sembelihan yang berdekatan.

8.5 Agihan Bahagian Peserta Korban

Pengagihan daging korban hendaklah dibuat dengan tatacara berikut :

a) Agihan oleh Petugas

Penghantaran secara langsung kepada peserta yang mengambil bahagian dan fakir miskin berdasarkan senarai nama yang telah ditetapkan.

b) Agihan dengan kehadiran peserta

Jumlah kehadiran pengambilan bahagian peserta **tidak boleh melebihi 20 orang** pada satu masa tertakluk kepada keluasan kawasan dan elakkan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang Dekat).

8.6 Kawalan Penularan dan jangkitan

- a) Mengadakan kaunter di pintu masuk yang dihadkan bilangannya bagi memeriksa suhu badan, sanitasi badan, sanitasi tangan serta rekod kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera atau direkodkan dalam buku kehadiran;
- b) Penganjur wajib menyediakan pelitup muka (face mask) dan *hand sanitizer*;
- c) Memastikan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter;

- d) Mengelakkan daripada 3S iaitu bersesak (crowded area), ruang sempit/rapat/tertutup (confined area) dan juga sembang (perbualan) dalam jarak yang dekat (close conversation); dan
- e) Petugas yang dipilih hendaklah sihat, tidak bergejala dan bukan dalam pengidap penyakit kronik.

9.0 TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai 25 Jun 2020 kepada semua Institusi Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat.

10.0 PENUTUP

Garis panduan ini boleh dijadikan rujukan kepada semua pentadbir Institusi Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat mengikut Amalan Norma Baharu Pasca Perintah Kawalan Pegerakan.

11.0 RUJUKAN

- a) Dasar Warga Emas Negara (DWEN).
- b) Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Di Masjid dan Surau Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- c) Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Korban Dalam Tempoh Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

- d) Garis Panduan Pengurusan Harta Penghuni Bagi Institusi Warga Emas Tahun 2019.
- e) Panduan Amalan Di Bulan Ramadhan Tahun 2000, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- f) Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Covid-19 Di Pusat Jagaan Warga Emas Kerajaan, Swasta dan Badan Bukan Kerajaan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- g) Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan 18 Mei 2020 (Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 di Malaysia).
- h) Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia.
- i) Irsyad Fatwa Khas Ramadhan Siri ke-169, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan bertarikh 4 Mei 2020 (Fidyah Anak Yang Sakit dan Kurang Upaya).
- j) Bayan Linnas Siri ke-216 : Islam, Joker dan Stigma Masalah Mental oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

**KETUA PENGARAH
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

**25 JUN 2020M
03 ZULKAEDAH 1441H**

